

# Selamat datang ke dunia pendidikan tinggi!

Oleh PROF. MADYA  
DR. AHMAD ESA

**S**YABAS dan tahniah kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016! Selamat datang ke dunia pendidikan tinggi. Pilihlah program pengajian berdasarkan minat dan sesuaikanlah dengan keputusan yang diperoleh.

Kepada mereka yang memperoleh keputusan sederhana, peluang anda masih terbuka luas. Di Malaysia banyak Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta yang memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti bidang kemahiran, vokasional dan teknikal.

Sebelum berstatus mahasiswa di institut pendidikan tinggi (IPT), beberapa persediaan dan pengetahuan perlu disedari dan diambil tindakan oleh pelajar. Antaranya mereka perlu menyiapkan diri untuk hidup berdikari, membuat keputusan sendiri apabila berhadapan dengan situasi yang memerlukan tindakan segera, mengurus kewangan dan menjaga kesihatan diri.

Di samping itu perlu bersedia untuk menghadapi persaingan akademik dan kurikulum pada tahap tinggi. Berhadapan dengan pensyarah dengan berhikmah. Ini kerana di IPT, pensyarah adalah individu yang bukan sahaja mengajar tetapi menyediakan soalan dan menanda jawapan. Situasi yang berbeza semasa pelajar belajar di peringkat sekolah.

Berbalik kepada permohonan pelajar ke IPT adalah diharapkan mereka dapat membuat pilihan dengan tepat. Satu aspek yang boleh diberi pertimbangan ialah program yang mempunyai jaminan pekerjaan. Satu daripada program tersebut ialah program pendidikan. Beberapa program pendidikan yang ditawarkan oleh universiti awam telah memperoleh unjuran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

Apabila penawaran program adalah berdasarkan unjuran ini bermaksud pelajar yang mengikuti program tersebut memperoleh jaminan pekerjaan dengan syarat menuhi semua kriteria pengajian yang akan diikuti. Selain itu, pelajar boleh memohon biasiswa daripada badan-badan swasta, berkanun maupun kerajaan yang mempunyai perjanjian untuk mengambil pelajar bekerja apabila tamat pengajian kelak.

Antara program yang memperoleh unjuran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi ialah Ijazah



**PELAJAR** perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Johor Bahru, bergambar selfie bersama rakan mereka selepas mengambil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015 yang diumumkan pada 3 Mac lalu. Mereka ialah sebahagian daripada pelajar cemerlang yang mendapat semua A dalam mata pelajaran yang diambil. - BERNAMA

Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik dan Elektronik) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Pendidikan Vokasional (Pemasinan Am) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Kepujian.

Selain itu, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejuk-bekukan dan Penyamanan Udara) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kim-palan dan Fabrikasi Logam) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Di samping beberapa program berdasarkan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Awam yang lain.

Program-program berdasarkan Pendidikan Teknikal dan Vokasional adalah selari dengan lonjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi (PPPMT) 2015-2025 iaitu melahirkan graduan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) Berkualiti. Bagi mencapai lonjakan tersebut pastinya negara memerlukan guru dan instruktur di bidang TVET yang semestinya berkualiti.

Sehubungan itu, lebih ramai

pelajar akan ditawarkan pengajian di bidang TVET dari semasa ke semasa. Ironinya, yang berlaku pelajar yang berjaya dalam permohonan bidang tersebut kurang dari pada unjuran yang ditetapkan oleh kementerian. Oleh yang demikian adalah diharapkan pelajar yang ingin memohon program TVET lebih bersedia dan trampil dalam proses permohonan mereka.

Bagi mengikuti program Pendidikan Vokasional di UTHM mungkin pelajar sama ada berkelulusan SPM, STPM atau Diploma dari politeknik, universiti dan Institut Latihan Kemahiran Awam, perlu mengambil ujian *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEDSI) dan memiliki keputusan *Malaysian University English Test* (MUET) sekurang-kurangnya band 2. Dalam menduduki ujian MEDSI, seperkara yang perlu dilakukan oleh pelajar ialah jawablah dengan jujur dan berusaha menggambarkan diri yang sebenar. Tujuan ujian MEDSI ialah untuk mengenal pasti personaliti pelajar bukannya menguji kebolehan minda.

Seterusnya calon yang berjaya dalam Ujian MEDSI akan dipanggil untuk temu duga. Semasa temu duga uruslah dokumen dengan sistematis. Pernah wujud situasi apabila pelajar memasuki bilik temu duga, dokumen yang dibawa berterburu di atas lantai kerana

tidak dimasukkan ke dalam fail. Pastikan berambut pendek, memakai kemeja berlengan panjang, bersuarai slack, bertali leher dan memakai kasut kulit.

Bersediaalah untuk menjawab soalan pengetahuan am, terutamanya isu-isu semasa sama ada di peringkat antarabangsa, negara atau tempatan. Di samping itu, bertuturlah dengan dengan suara kuat dan sebutan yang jelas, intonasi yang sesuai dan tempo yang sederhana. Apabila soalan dikemukakan menggunakan bahasa Inggeris, jawablah dengan bahasa Inggeris. Pamerkan keyakinan yang tinggi sama ada semasa duduk, berjalan masuk dan keluar bilik temu duga. Sekiranya diminta melakukan *mock* pengajian, usahakan melakukannya sebaik mungkin.

Semoga ramai yang akan berjaya memasuki dunia pendidikan tinggi. Dunia yang menarik dan mencabar. Dunia yang bukan sahaja menguji minda tetapi emosi dan fizikal. Selain dunia yang akan mengajar bersosialisasi dan berorganisasi sehingga menceburkan diri ke dunia pekerjaan sebenar.

Selamat datang kepada bakal mahasiswa ke IPT. Selamat datang, syabas dan tahniah!

**PENULIS** ialah Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.